

**Atlet &
Jurulatih
Negeri
diiktiraf** MS2-3



**Pencemar,
Awat!**

MS20



**Hadiah
untuk
pembayar
cukai** MS 24



Mutiara

PERCUMA



1 – 15, NOVEMBER 2013



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlinguaneng>

Hijrah Mengukuh Ukhuwah, Martabat Ummah, Salam Maal Hijrah 1435H

Hargai keamanan sempena Maal Hijrah 1435H – TYT

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA - Yang Di-Pertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas menyeru seluruh umat Islam supaya menghargai keamanan hidup di Pulau Pinang sempena sambutan Maal Hijrah 1435H Peringkat Negeri.

Menurut beliau, umat Islam di negeri ini bertuah kerana boleh kekal hidup dalam suasana keamanan serta tidak seperti beberapa negara umat Islam lain dekat Timur Tengah.

"Kita perlu menginsafi dengan nasib yang menimpa saudara kita di Palestin, Mesir dan Syria yang kini hidup dalam keadaan tidak ketentuan," ucapnya pada sambutan Maal Hijrah 1435H Peringkat Negeri di Politeknik Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Nada sama turut diucapkan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) yang meluahkan nada serupa semasa mengupas mengenai tema sambutan, iaitu Hijrah Mengukuh Ukhwah, Martabat Ummah.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Datuk Mohd. Salleh Man (Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP) antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir pada majlis keraian tersebut.

Bekas duta besar Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Syed Omar Syed Mohamad dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Pulau Pinang atas sumbangannya dalam dunia pendidikan serta diplomatik.

Beliau menerima wang tunai RM8,000, sijil dan hadiah yang disampaikan Abdul Rahman sendiri.



SYED Omar Syed Mohamad (dua dari kiri) menunjukkan trofi dan sijil pengiktirafan yang diterima sambil ditemani para penerima anugerah lain sempena sambutan Maal Hijrah 1435H Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Pengasas industri penerbitan buku Harfa, Abdullah Haron, 64, dipilih menerima Anugerah Usahawan Islam.

Manakala, selebriti dakwah, Datuk Seri Nor Bahyah Mahamood, 43, dan pendakwah Muhammad Shah Shanmuga, 40-an, masing-masing dipilih menerima Anugerah Pendakwah Negeri dan Anugerah Saudara Kita.

Anugerah Bapa Mithali diberikan kepada

Sabudin Md. Hassan, 75, dan Balkis Abdullah, 58, menerima Anugerah Ibu Mithali.

Lima penerima anugerah tersebut masing-masing membawa pulang wang tunai RM3,000, sijil serta cenderamata.

Syed Omar yang ditemui kemudian melahirkan rasa syukur atas pengiktirafan Kerajaan Negeri.

Bersempena sambutan Maal Hijrah 1435H kali ini, beliau menyeru umat Islam supaya

saling bersatu padu memartabat Islam di tanah air ini.

"Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah atas kurniaan ini dan saya berharap sempena Maal Hijrah ini, umat Islam di Malaysia dapat bersatu demi agama dan bersama-sama berhijrah ke arah yang lebih baik," ujar beliau kepada pemberita selepas berlangsungnya upacara penyampaian anugerah.

(bersambung di muka surat 5).

Iktiraf atlet martabat sukan negeri

Oleh : **YAP LEE YING & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MARK JAMES**

GEORGE TOWN -

Pengiktirafan julung kali oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterima atlet paralimpik negara, Nurul Shakina Teh Abdullah, 38, begitu melonjakkan semangat ibu kepada dua cahaya mata itu untuk terus bergiat aktif dalam bidang kegemarannya, renang.

Bakat yang diasah sejak berusia 12 tahun di sekolah khas untuk golongan cacat penglihatan, *St. Nicholas' Home* membuahkan hasil apabila sehingga kini tiada atlet yang mampu menandingi kehebatan Nurul Shakina dalam bidang berkenaan.

Ketika diwawancara Buletin Mutiara, Nurul Shakina yang kini berkhidmat sebagai penyambut tetamu di sebuah syarikat korporat terkemuka di ibu negara menyatakan bahawa beliau menyimpan hasrat supaya Majlis Sukan Negeri (MSN) ataupun pihak-pihak berkaitan supaya mencari 'pengganti' beliau.

"Pengganti bukan bermakna saya ingin bersara, sebaliknya, pengganti muda yang mampu terus mengharumkan nama negeri dan juga negara dalam acara renang sukan paralimpik," katanya di sini baru-baru ini.

Pada majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2012 yang berlangsung baru-baru ini, Nurul Shakina diumumkan sebagai Olahragawati Paralimpik 2012.

Turut tersenarai adalah Olahragawati 2012 yang dimenangi Ratu Skuasy negara, Datuk Nicol Ann David; Olahragawan 2012, jaguh badminton negara, Datuk Lee Chong Wei; Olahragawati Harapan 2012 (Thor Chee Yee); Olahragawan Harapan 2012 (Bryan Teoh Wiyang dan Olahragawan Paralimpik 2012 (Mohamad Suhaili Abd. Hamid).

Chong Wei turut memenangi Anugerah Tuan Yang diPertua (TYT) 2012 manakala Tokoh Pemimpin Sukan, Khoo Kay Chee yang bergiat dalam acara sukan Judo; Jurulatih Terbaik (Lim Lee Lee, Karate-Do) dan pasukan Karate-Do mengungguli anugerah Pasukan Wanita Terbaik serta Pasukan Lelaki Terbaik.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut ialah TYT, Tun Abdul Rahman Abbas bersama isteri, Toh Puan Majimor Shariff, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Law



THOR Chee Yee.

Choo Kiang, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait.

Menurut Nurul Shakina, sebelum dihantar ke *St. Nicholas' Home*, beliau yang cacat penglihatan sejak dilahirkan sebelum itu dihantar ke sekolah biasa di Jelutong di sini sehingga tahun dua.

"Ekoran tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik, selepas dua tahun, cikgu mencadangkan kepada ibu supaya menghantar saya ke sekolah khas.

"Pada mulanya, saya memang sedih ditinggalkan berseorang di sana (*St. Nicholas' Home*). Pada malam pertama, saya menangis kerana rindu pada ibu," ujarnya sambil tersenyum.

Bagaimanapun, disebabkan layanan mesra para pendidik, Nurul Shakina akhirnya berjaya membiasakan diri dan berasa seronok sehingga beliau menggelarkan rumah keduanya sebagai, sekolah syurga dunia.

"Pembelajaran di sini adalah tertakluk kepada tahap kemahiran masing-masing. Selain akademik, para pelajar juga dapat belajar bermacam-macam bidang teknikal, kesenian dan juga sukan.

"Setiap petang, apabila pelajar lain bermain di taman, saya akan ke kolam renang," jelas beliau yang turut cemerlang dalam acara larian 400 dan 800 meter sebelum ini.

Ketika ditanya sebab beliau memilih acara renang, Nurul Shakina yang mampu melihat secara samar-samar menyatakan bahawa sejak



GAMBAR kenangan Nurul Shakina Teh Abdullah (tiga dari kiri) pada kejohanan sukan di Pahang tahun 2012.



NURUL Shakina Teh Abdullah (tengah) menerima piala dan sijil anugerah Olahragawati Paralimpik 2012 pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2012 di sini baru-baru ini.



THOR Chee Yee ketika menerima anugerah Olahragawati Harapan Tahun 2012 daripada Law Choo Kiang (kiri sekali) sambil ditemani Mokhtar Mohd. Jait (tengah).

kecil, beliau suka melihat air termasuk air longkang di kawasan sekitar rumahnya.

Sehingga kini, pencapaian tertinggi beliau yang mendirikan rumah tangga dengan seorang atlet paralimpik dalam acara tenpin bowling pada tahun 2004 adalah mewakili negara dalam kejohanan peringkat Asia Pasifik sebanyak dua kali di Korea.

Tidak dinafikan, kini, tumpuan utama Nurul Shakina adalah keluarganya, namun, beliau menegaskan bahawa selagi mampu, dirinya akan terus bersukan.

"Ekoran komitmen terhadap keluarga, saya berhenti dari menyertai sebarang kejohanan antarabangsa.

"Namun, jika hati saya tersentak ingin berentap dalam kejohanan antarabangsa, saya akan pergi ikut kemahuan hati," tegas Nurul Shakina yang turut berharap supaya sukan paralimpik menerima pengiktirafan setaraf kejohanan sukan biasa.

Sementara itu, bagi Chee Yee, 21, yang memenangi dua pingat emas pada kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) dekat Kuantan, Pahang tahun lalu melahirkan rasa gembira kerana dipilih pula menerima anugerah Olahragawati Harapan Tahun 2012 daripada Kerajaan Negeri.

"Saya berasa sungguh gembira kerana latihan yang begitu bersungguh-sungguh akhirnya berhasil," ujarnya Chee Yee semasa ditemui di Kompleks Majlis Sukan Negeri (MSN) di sini.

Insentif tambahan hargai atlet & jurulatih sukan negeri

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Kejayaan Kontinjen Pulau Pinang merangkul pingat pada Sukan Malaysia (SUKMA) ke-16 tidak berlaku begitu sahaja apabila Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyampaikan insentif tambahan sebanyak 50 peratus kepada para atlet, jurulatih dan persatuan sukan di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata, keputusan untuk memberi insentif tambahan tersebut adalah sebagai tanda penghargaan kepada para atlet kerana telah berjaya beraksi dengan cemerlang sekaligus memberikan keyakinan bahawa Pulau Pinang mampu melahirkan lebih ramai atlet bertaraf antarabangsa.

"Insentif ini adalah tanda sokongan Kerajaan Negeri kepada atlet dan membuktikan bahawa kita menghargai kemajuan sukan dan

kecemerlangan yang ditunjukkan.

"Saya harap dengan pemberian insentif ini akan mendorong para atlet untuk kekal kecemerlangan dan memberikan motivasi kepada atlet muda untuk berjaya," katanya pada sidang akhbar Majlis Penyampaian Insentif Tambahan di sini baru-baru ini.

Hadir bersama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, Timbalan Pengerusi II Majlis Sukan Negeri (MSN), Datuk Ong Poh Eng dan Setiausaha Agung



KEPIMPINAN Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama para atlet pada sidang akhbar Majlis Penyampaian Insentif Tambahan di sini baru-baru ini.

Federasi Angkat Berat Oceania, Paul Coffa.

Dalam kejohanan SUKMA Ke-16 di Kuala Lumpur pada 28 Jun hingga 7 Julai lalu, kontinjen negeri berjaya membawa pulang lapan pingat Emas, Perak (19) dan Gangsa (21) melalui sukan Judo, Silambam, Lawan Pedang, Gimnastik Artistik, Renang Berirama, Ping Pong, Sofbol, Futsal, Equestrian, Kriket, Woodball dan Muay Thai.

Tambah Guan Eng, pemberian

insentif tersebut akan diteruskan pada tahun-tahun berikutnya sebagai menghargai jasa para atlet dalam mengharumkan nama Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Chong Eng menyeru para atlet supaya mengekalkan prestasi dan berusaha lebih gigih untuk SUKMA Perlis 2014 pada tahun depan.

Coffa yang turut meluahkan rasa kagum dengan inisiatif yang diambil Kerajaan Negeri

tersebut.

"Walaupun sudah lama menjadi jurulatih di pelbagai negeri, ini merupakan kali pertama saya menyaksikan atlet muda mendapat perhatian daripada kerajaan," ujar beliau.

Pada Julai lepas, MSN telah menyampaikan insentif berjumlah RM123,400 kepada kontinjen Pulau Pinang, sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan insentif yang diterima sebanyak RM185,100.

Ibu tunggal titis air mata terima bantuan

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **MARK JAMES**

GEORGE TOWN - Walaupun tidak seberapa, tawaran untuk menyewa seunit kediaman di Flat Free School di sini atas inisiatif Kerajaan Negeri begitu menyentuh sanubari ibu tunggal, R. Muniamah, 3.

Muniamah yang kehilangan suami sejak lapan bulan lalu kini terpaksa kais pagi makan pagi, kais petang makan petang bagi menyara kehidupan beliau bersama dua anaknya, R. Nancy, 12 dan R. Rosaalin, 8.

Muniamah yang kini bekerja sebagai tukang cuci di sebuah bangunan perdagangan di sini menyatakan bahawa selepas kematian suami, beliau telah berpindah dari rumah ibu mertuanya untuk menetap di sebuah bilik sewa di Batu Maung di sini.

"Dengan gaji bersih RM700,

saya terpaksa bayar sewa bilik bernilai RM250 sebulan.

"Disebabkan jarak rumah dari sekolah anak-anak terlalu jauh, RM200 digunakan untuk membayar upah pengangkutan, RM150 pula untuk ansuran motosikal yang baru dibeli suami empat bulan sebelum beliau meninggal dunia," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada Majlis Penyampaian Sumbangan Disempurnakan Timbalan Ketua Menteri II di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Muniamah yang berasal dari Kulim, Kedah menerima cek bernilai RM500 sumbangan Cawangan DAP Lintang Delima bagi tujuan pembayaran deposit penyewaan, deposit air/elektrik dan bayaran sewa sebulan unit kediaman berkenaan.

Turut disumbangkan adalah hamper bernilai RM100, bawcer membeli-belah (RM500) dan bawcer barangan dapur, RM250

yang ditaja sebuah pertubuhan bukan kerajaan, Kumpulan Ambalatha.

Hadir sama menyempurnakan majlis tersebut adalah Pengerusi Cawangan DAP Lintang Delima, A. Prem.

Dalam pada itu, Nancy yang turut gembira ekoran memperoleh rumah baru menyatakan bahawa beliau amat rindu untuk bermanja dengan bapanya.

"Terima kasih kerajaan (Kerajaan Negeri) kerana bantu kami sekeluarga," senyumnya sambil menyatakan bahawa cita-cita beliau adalah untuk menjadi seorang guru.

Ketika Nancy menyatakan cita-citanya kepada Buletin Mutiara, adik beliau, Rosaalin mencelah menyatakan bahawa beliau bercita-cita untuk menjadi seorang doktor.

Melihat gelagat anak-anaknya, Muniamah tersenyum sambil menitikkan air mata.



R. MUNIAMAH (kiri sekali) bersama-sama anaknya, **R. Rosaalin** (tengah) dan **R. Nancy** pada Majlis Penyampaian Sumbangan Disempurnakan Timbalan Ketua Menteri II di sini baru-baru ini.

Bagi mereka yang ingin membantu Muniamah, sumbangan boleh disalurkan menerusi akaun Maybank, **Muniamah a/p Ragaya bernombor, 15 707 2322 312.**

Sementara itu, nasib seorang kanak-kanak berusia lapan tahun, S. Mogeshwaran yang mengidap penyakit *Hirschprung* turut

memperoleh perhatian Kerajaan Negeri.

Mogeshwaran yang memerlukan RM55,000 bagi menjalani pembedahan menerima sumbangan bernilai RM6,000 hasil sumbangan Lembaga Wakaf Hindu (RM5,000) dan peruntukan Ramasamy (RM1,000).

Pemimpin negeri dapat kereta baru

GEORGE TOWN - Sebanyak 15 kereta rasmi jenis *Toyota Camry* diserahkan kepada pemimpin-pemimpin tertinggi Kerajaan Negeri bagi menggantikan kenderaan lama berusia antara 12 hingga 21 tahun yang digunakan kini di sini.

Majlis ringkas tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang dan Exco Pertanian & Asas Tani,

Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Turut menerima kunci rasmi kenderaan masing-masing adalah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait. .

Guan Eng berkata, kereta rasmi lama sama ada akan digunakan di jabatan-jabatan Kerajaan Negeri lain atau dijual ekoran kos penyelenggaraan yang tinggi.

Sebelum ini, dilaporkan, perbelanjaan kos penyelenggaraan purata Kerajaan Negeri untuk setiap sebuah kenderaan rasmi adalah berjumlah RM20,000 hingga RM30,000 setahun.

Tahun lalu, sebanyak RM370,400 dibelanjakan untuk menyelenggara 21 kenderaan rasmi Kerajaan Negeri manakala 2011 (RM383,000).

Pada tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, sejumlah RM301,238 telah dibelanjakan untuk tujuan yang sama.



MOHD. Rashid Hasnon menunjukkan tanda bagus ketika bergambar kenangan bersama-sama kereta rasmi beliau pada majlis penyerahan rasmi di sini baru-baru ini.

Kumpulan 'terbaik' terima penghargaan

Gambar oleh : **IZUDDIN MOHAMED ISMAIL**

BAYAN BARU - Seramai 285 kakitangan awam dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima pengiktirafan di atas prestasi cemerlang yang ditunjukkan dalam perkhidmatan masing-masing bagi tahun 2012 di sini baru-baru ini.



ANTARA penerima-penerima anugerah prestasi cemerlang pada Majlis Penghargaan Prestasi 2012 di sini baru-baru ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus yang hadir menyampaikan anugerah berprestij tersebut menyatakan bahawa pengiktirafan tersebut diberikan kepada kakitangan yang memperoleh markah 90 peratus ke atas di dalam penilaian prestasi 2012.

Katanya, sebagai kumpulan 'terbaik', beliau yakin bahawa golongan berkenaan mampu membuat perubahan seperti berbincang serta merancang proses-proses kerja yang lebih baik asalkan ia tidak melanggar peraturan atau pekeling-pekeling ditetapkan.

"Saya harap kumpulan ini dapat jadi pemangkin kepada rakan sepejabat untuk turut capai kecemerlangan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri bagi mewujudkan perkhidmatan awam bertaraf antarabangsa,"

ucapnya pada Majlis Penghargaan Prestasi 2012 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Datuk Muhammad Yusoff Wazir, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)/Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Datuk Abu Jamal Nordin dan ketua-ketua jabatan.

Dalam pada itu, beliau turut menekankan empat prinsip kerja dalam kalangan penjawat awam.

"Prinsip-prinsip kerja yang ditekankan adalah ketepatan masa, ketepatan fakta, ketelitian dan disiplin yang tinggi.

"Saya mempunyai harapan amat tinggi untuk memastikan prestasi dicapai pada tahun lalu dapat dipertingkatkan," tegas Farizan.

Angkasa tunai RM54,825.24 zakat

oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BATU UBAN - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan mempercepatkan proses rayuan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mendapatkan lesen operasi sebuah pusat dialisis yang dibina pihaknya di Bayan Baru di sini.

Menurut Timbalan Presiden Angkasa, Mutadho Bahri, pembukaan sebuah pusat dialisis di Bayan Baru sudah tertangguh hampir 10 bulan akibat keengganan KKM memberikan lesen operasi yang diperuntukan.

"Kita amat berharap pusat dialisis ini mendapat kelulusan segera daripada KKM memandangkan segala kelengkapan serta pengubahsuaian bernilai RM700,000 sudah disediakan dan mampu beroperasi bila-bila masa," katanya pada Majlis Pembayaran Zakat Pendapatan Angkasa kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Mutadho menyampaikan zakat pendapatan berjumlah RM54,825.24 kepada ZPP yang diterima Yang di-Pertua Negeri (TYT) Tun Abdul Rahman Abbas.

Turut hadir, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man.

Menurut Mutadho, ekoran penangguhan pembukaan pusat dialisis tersebut,



ABDUL Rahman Abbas (tengah) menerima replika cek pembayaran zakat pendapatan daripada Mutadho Bahri (dua dari kanan) sambil ditemani Mohd. Salleh Man (dua dari kiri) pada Majlis Pembayaran Zakat Pendapatan Angkasa kepada ZPP di sini baru-baru ini.

pihaknya menerima maklumbalas daripada KKM bahawa pusat itu kurang sesuai beroperasi di Bayan Baru ekoran tidak mengikut pecahan zon dalam erti kata lain sudah terdapat pusat dialisis berhampiran zon berkenaan kini.

"Kita mungkin terpaksa mempertimbangkan pembukaan di kawasan lain sekiranya rayuan pihak Angkasa gagal demi kebajikan masyarakat umum," jelas beliau.

Dalam pada itu, Mutadho memberitahu, zakat yang dikeluarkan adalah merangkumi 305 koperasi di bawah Angkasa yang menjalankan perniagaan di Pulau Pinang.

"Negeri Pulau Pinang juga adalah negeri keempat Angkasa mengeluarkan zakat pendapatan selepas Perlis, Sarawak dan Melaka.

"Bagi jumlah agihan zakat seluruh Malaysia pula, Angkasa turut mengeluarkan RM884,753.64 bagi keuntungan koperasi-koperasinya sehingga 31 Disember 2012," ujarnya.



SITI Nor Bahyah Mahamood (dua dari kanan) ketika menerima Anugerah Pendakwah Negeri daripada Abdul Rahman Abbas sambil diperhati barisan kepimpinan negeri.



ABDUL Rahman Abbas (barisan depan, tengah) bersama isteri ketika hadir pada Majlis Sambutan Maal Hijrah 1435H Peringkat Negeri Pulau Pinang.

(dari muka 1)

Sekitar sambutan Maal Hijrah 1435H Negeri Pulau Pinang Tema : Hijrah Mengukuh Ukhuwah, Martabat Ummah



PERSEMBAHAN menarik yang dipersembahkan seorang finalis pertandingan pidato rancangan realiti kanak-kanak peringkat kebangsaan.

Rakyat sambut meriah Pesta Cahaya

oleh : YAP LEE YING

SUNGAI BAKAP - Hampir 1,000 pengunjung dari pelbagai latar belakang memeriahkan sambutan Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Selain Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas bersama isteri, Toh Puan Majimor Shariff yang menjadi tetamu kehormat, turut hadir adalah barisan kepimpinan negeri, ketua-ketua jabatan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan lain-lain.

Antaranya, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Law Choo Kiang, Timbalan Speaker DUN, Maktar Shapee dan barisan exco seperti Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.



(Dari kiri), MOHD. Rashid Hasnon, Maktar Shapee dan Abdul Malik Abul Kassim di Majlis Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Turut hadir, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud dan lain-lain.

Antara juadah yang disediakan adalah nasi kandar, sate, roti jala, ais kacang dan maruku.

Sementara itu, bersempena sambutan Pesta Cahaya, barisan ADUN turut mengambil peluang masing-masing menganjurkan majlis rumah terbuka dan penyampaian sumbangan kepada golongan memerlukan.

Umumnya, majlis-majlis yang dianjurkan bukan hanya berjaya mengukir kerian serta senyuman, malah juga mampu mengeratkan ikatan silaturahmi sedia ada rakyat keseluruhan di negeri ini.



AHLI Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan hamper kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan negeri pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan (tiga dari kanan).



ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim bergambar kenangan bersama-sama sekumpulan kanak-kanak pada majlis penyampaian sumbangan hamper Deepavali.



KETIBAAN daripada Abdul Rahman Abbas dan isteri disambut meriah pada Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Negeri Pulau Pinang.

KM lawat mangsa banjir Pmtg. Tok Subuh

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

TELUK AIR TAWAR - Perbicaraan kes penduduk Kampung Permatang Tok Subuh diarah mengosongkan kediaman masing-masing oleh tuan tanah akan disebut sekali lagi di Mahkamah Majistret Butterworth pada 25 November depan.

Ketetapan itu dibuat Pendaftar Mahkamah Majistret, Tuan Faiz Dziyauddin selepas proses sebutan kes oleh pihak pendakwaan dan pembelaan dilakukan.

Tetuan Fadzil, Chua dan Song mewakili pihak pendakwaan, manakala, pihak pembelaan diwakili Ho Leng Hong dari firma Tetuan Lim, Ho & Co.

"Mahkamah (Majistret) beri arahan kepada peguam plaintif supaya penghakiman ingkar pembelaan tidak boleh dimasukkan sehinggalah saya mengfailkan notis permohonan dengan menggabungkan semua kes, seterusnya, saya fail pembelaan.

"Itu adalah satu permintaan saya kepada mahkamah tadi," ujar Leng Hong yang juga Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di perkarangan Mahkamah Majistret dan Sesyen Butterworth dekat sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon, Hamidah

Che Embi (Pengerusi Badan Bertindak Selamatkan Penduduk Kampung Permatang Tok Subuh), Zolkify Md. Lazim (Pengerusi Badan Bertindak Tuntut Rumah Ganti Rumah Selesa, RAGAS) dan Jap Somat (Ketua Cabang PKR Bukit Mertajam) turut serta pada sidang media di sini.

Difahamkan, lapan penduduk berwajib masing-masing menerima saman daripada wakil tuan tanah dan satu saman dibatalkan selepas salah seorang penduduk tersebut bersetuju untuk menerima pampasan RM14,500 daripada tuan tanah serta pemaju.

Leng Hong berkata, pihaknya akan menggabungkan ketujuh-tujuh kes tersebut menjadi satu kes demi memudahkan proses permohonan berwajib kelak.

"Semasa permohonan pembelaan nanti, saya hanya perlu mengfailkan satu pembelaan sahaja, bukan tujuh pembelaan," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) dan Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah) baru-baru ini melawat mangsa bencana banjir di Kampung Permatang Tok Subuh dekat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Machang Bubuk.



KETUA Menteri dan Steven Sim Chee Keong (duduk, depan, dua dari kanan) berbual dengan salah seorang mangsa bencana banjir di Kampung Permatang Tok Subuh di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon turut mengadakan lawatan berasingan sebelum itu.

Guan Eng dilaporkan berkata, Kerajaan Negeri melalui MPSP tidak akan meluluskan sebarang permohonan pelan perancangan pembangunan di Kampung Permatang Tok Subuh sekiranya merugikan kepentingan penduduk asal di situ.

Beliau dalam pada itu turut meminta

semua penduduk berwajib, khususnya yang disaman oleh pemaju supaya saling memberi kerjasama dengan dua wakil rakyat Pakatan Rakyat, iaitu Khai Loon dan Chee Keong.

"Penduduk jangan risau, biar dua Y.B. ini (Khai Loon dan Chee Keong) yang risau (berusaha menyelesaikan isu Kampung Permatang Tok Subuh)," seloroh Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Mangsa banjir dapat perhatian KN

Oleh: **YAP LEE YING**

PULAU BETONG - Kejadian banjir membabitkan 60 rumah di sini baru-baru ini memperoleh reaksi pelbagai pihak yang turut serta turun padang membantu mangsa-mangsa terlibat.

Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Aidi Akhbal berkata, seramai 200 penduduk terpaksa dipindahkan ke Masjid Pulau Betong di sini bagi mendapatkan perlindungan sementara pada hari kejadian.

"Ini termasuk penduduk dari Pulau Betong, Permatang Tengah dan Kampung Terang di sini.

"Sepanjang tempoh dipindahkan, para mangsa turut diberikan bantuan makanan tengah hari dan petang sehingga mereka (mangsa) dibenarkan pulang setelah air surut pada hari yang sama," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Turut terlibat dalam operasi tersebut adalah Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan



KEADAAN banjir di Pulau Betong di sini.

Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong, Mohd Tuah Ismail, Ahli Majlis MPPP, Muhammad Bakhtiar Wan Chik, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pulau Betong serta Pasukan Bomba dan Penyelamat Daerah Barat Daya.


Tambah Aidi, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian yang turut menenggelamkan lapan buah kereta milik penduduk sekitar.

"Namun, ketika sedang asyik

memunggah barang rumah daripada dimusnahkan air banjir, seorang surirumah, Aishah Hashim, 67, telah dipatuk ular berbisa.

"Beliau yang kemudian dikejarkan ke hospital bagaimanapun kini berada dalam keadaan stabil," jelas beliau.

AIDI Akhbal (kiri sekali) sedang membungkus makanan untuk disumbangkan kepada mangsa-mangsa banjir di Pulau Betong di sini baru-baru ini.



▲ MOHD. Tuah Ismail (kiri sekali) melawat Aishah Hashim yang cedera dipatuk ular berbisa di Hospital Pulau Pinang.



Exco tanya Menteri status PRIMA, TP1M P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo meminta Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan mengesahkan tapak lokasi serta status pelaksanaan projek perumahan mampu milik yang dimaksudkan di negeri ini.

Pengesahan itu, menurut Jagdeep, merujuk pada satu pengumuman Kerajaan Pusat yang merancang pembinaan 20,000 unit rumah mampu milik dalam 15 projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) di Lemah Klang, Johor, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang.

"Saya ingin bertanya, di manakah lokasi sebenar projek PRIMA ini dan bagaimana pula status projek perumahan mampu milik (kendalian) Kerajaan Pusat di negeri ini," ujarinya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengerusi Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan serta beberapa anggota pemaju lain.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkata, pihaknya

telahpun mengutus surat rasmi kepada Abdul Rahman pada 24 Oktober lepas bagi mendapatkan penjelasan berwajib.

Tambah beliau, pihaknya akan menyusuli dengan surat baru memohon pengesahan tapak di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) bagi 80,000 unit rumah oleh PRIMA yang mana harganya 20 peratus lebih rendah dari harga pasaran, sepertimana diumumkan dalam Bajet 2014.

Status TP1M

Dalam satu surat berasingan pada tarikh sama, Jagdeep berkata, pihaknya turut minta penjelasan lanjut berhubung status terbaru permohonan dana program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

Penjelasan itu merujuk pada jawapan Abdul Rahman kepada Ahli Parlimen Bagan merangkap Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Dewan Rakyat pada 30 September lepas.

"Datuk telah menyatakan lapan permohonan telah diluluskan di bawah TP1M yang berjumlah RM4.5 juta.

"Kami akan berbesar hati sekiranya pihak YB Datuk dapat memberi butiran terperinci berkenaan lapan permohonan tersebut serta status pelaksanaan

memandangkan maklumat yang diterima oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), ada cuma satu permohonan diluluskan di bahagian pulau dan dua di bahagian seberang masing-masing," ujar Jagdeep.

Jagdeep dalam satu surat rasmi pada 18 September lepas kepada Abdul Rahman turut membangkitkan masalah kerja-kerja penyelenggaraan PRIMA tidak dapat disiapkan di *Saujana Height Apartment* dekat Bayan Lepas seperti yang diluluskan kerana peruntukan kementerian Pusat tidak cukup.

Permohonan TP1M penting untuk memulihara rumah mampu milik rakyat yang sedia ada memandangkan Kerajaan Negeri bersedia membiayai baki 10 peratus dan 30 peratus yang sepatutnya ditanggung oleh persatuan penduduk berwajib, melalui Program Bantuan Perumahan Rakyat Pulau Pinang, *HAPPY!*

3 peratus levi pembeli asing

Dalam perkembangan sama, Jagdeep berkata, pembeli asing hartanah akan dikenakan tiga peratus levi atau cukai khas pemilikan hartanah demi



JAGDEEP Singh Deo (kanan) memerhati Jerry Chan (kiri) menjelaskan mengenai pendirian REHDA berhubung pelaksanaan tiga peratus levi ke atas pemberi asing hartanah dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

menghentikan pembelian spekulatif.

Langkah itu, katanya, sebagai reaksi pada keputusan Kerajaan Pusat melalui Bajet 2014 mahu menaikkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT).

Difahamkan, RPGT dinaikkan kepada 30 peratus untuk harta yang dijual dalam tempoh pegangan tiga tahun.

Bagi penjualan dalam tempoh pegangan sehingga empat dan lima tahun, kadar itu naik kepada masing-masing 20 peratus dan 15 peratus.

Bagi penjualan pada tahun keenam dan selanjutnya, tiada RPGT dikenakan, sementara syarikat dicukai pada lima peratus.

Bagi Jagdeep, kenaikan RPGT akan mengekang belian

spekulatif, namun, sebilangan pembeli sebenar mungkin terjejas.

"(Pemilikan hartanah) itu tidak banyak kerana jumlah hartanah di Pulau Pinang yang dibeli oleh warga asing (kira-kira) tiga peratus sahaja... tentunya (langkah mengenakan tiga peratus levi) tidak akan menjejaskan pelaburan asing, termasuk dalam hal hartanah," ujarinya.

Justeru, katanya, Kerajaan Pusat sepatutnya membina lebih banyak projek pemajuan hartanah perumahan baru, termasuk di negeri ini dari menaikkan RPGT.

Ini kerana, beliau memberitahu, langkah itu mampu menstabilkan harga hartanah demi keperluan pembeli sebenar di negeri ini.

RFP ketiga tapak lama pasar awam Balik Pulau

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

BALIK PULAU – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini mengadakan Permintaan Cadangan (*Request for Proposal* – RFP) buat kali ketiga untuk pembangunan plot tanah tapak lama pasar awam Balik Pulau yang terbiar sejak tahun 2007 di sini.

Tanah seluas 0.234 hektar tersebut terbiar sejurus selepas Pasar Awam Balik Pulau baharu siap dibina.

Pengarah Jabatan Bangunan MPPP, Ir. Yew Tung Seang berkata, taklimat RFP telah diadakan pada 21 Oktober lepas dan bagi yang masih berminat boleh layari portal rasmi

Sistem Perolehan Pulau Pinang, *ep.penang.gov.my* untuk maklumat lanjut.

"Ini merupakan kali ketiga MPPP mengemukakan RFP kerana dua sesi RFP sebelum ini tidak dapat memenuhi kriteria yang dicari oleh pihak Majlis (MPPP)," katanya pada sidang akhbar di plot tanah berkenaan di sini baru-baru ini.

Tarikh tutup permohonan untuk cadangan tersebut adalah pada 20 Januari 2014.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow

yang turut mengadakan lawatan ke tapak tersebut menyatakan bahawa pembangunan di plot tersebut adalah perlu berdasarkan nilai komersial, pelancongan dan nilai-nilai warisan

setempat.

"Dengan membangunkan plot tersebut, saya percaya ia mampu menjadi daya tarikan komersial di Balik Pulau," ujar beliau.



RUPA Pasar Awam Balik Pulau yang lama terbiar sejak 2007.

Pusat Strok HPM rancakkan khidmat kesihatan PP

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

BAYAN BARU – Pulau Pinang berpotensi besar untuk muncul sebagai hab perkhidmatan dan pelancongan kesihatan di rantau ini sekaligus menjadi pemangkin kepada industri pelancongan kesihatan negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sejak tahun 2008, terdapat pertumbuhan pesat industri pelancongan kesihatan di Pulau Pinang.

“Daripada 226,000 pesakit dan jumlah hasil RM173.7 juta diperoleh pada 2008, Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) telah meningkat sebanyak 9.7 peratus kepada 327,000 pesakit dengan jumlah hasil sebanyak RM314.3 pada tahun 2012.

“Manakala, jumlah pendapatan daripada industri pelancongan kesihatan dalam negara adalah RM570.5 juta (2012) menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri penyumbang utama industri ini iaitu sehingga 55 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan negara,” ujarnya Majlis Perasmian Pusat Strok Hospital Pantai Mutiara (HPM) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Beliau percaya dengan khidmat penjagaan kesihatan berkualiti dan

kepakaran perubatan yang ada di sini mampu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar perubatan yang bukan sahaja mampu menjana pendapatan negeri, malah merancakkan pertumbuhan industri pelancongan kesihatan negara.

“Kebanyakan pelancong kesihatan yang datang berminat mendapatkan rawatan dalam bidang ortopedik, perkhidmatan diagnosis, perkhidmatan berkaitan jantung, kosmetik dan pergigian.

“Antara pelancong kesihatan yang begitu berminat mendapatkan perkhidmatan kesihatan di sini adalah dari negara Indonesia, China dan Jepun,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Pengerusi Pantai Holdings Berhad, Datuk Khairil Anuar Abdullah memberitahu, kewujudan Pusat Strok HPM adalah suatu keperluan khusus dalam merawat dan memulihkan pesakit strok.

Jelas beliau, berdasarkan statistik Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia (NASAM), strok atau angin ahmar merupakan punca ketiga terbesar kematian dalam kalangan rakyat Malaysia selepas serangan jantung dan kanser.

“Rawatan dan penjagaan pesakit strok perlu khusus dan tepat.

“Oleh itu, dengan adanya pusat strok ini, ia diharap mampu memenuhi keperluan klinikal pesakit dengan kadar segera dan profesional,” ujarnya pada



KETUA Menteri menandatangani plat Pusat Strok HPM sambil ditemani Abdul Malik Abul Kassim (belakang, kiri sekali) dan Khairil Anuar Abdullah (tiga dari kiri) pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

majlis sama.

Tambah Khairil Anuar, pusat strok berkenaan adalah yang pertama seumpamanya di Semenanjung Utara.

Pusat ini dilengkapi dengan Iskemik dan Strok Hemorhasik yang diketuai pakar neurologi, Dr. Wong Yee Choon

dan dua pakar bedah saraf, Dr. K. Ravindran dan Dr. Kan Choon Hong.

“Selain mempunyai Residen Neuro Intervensi Radiologi, pusat ini turut mempunyai bilik Fisioterapi dan Terapi Pekerjaan yang efisien dan terancang,” nyata beliau.

Rumah pangsa mampu milik i-Park sedia diduduki

Oleh: **MARK JAMES**

BAYAN LEPAS – Demi kepentingan rakyat, hasil inisiatif Kerajaan Negeri, satu lagi projek perumahan pangsa mampu milik, i-Park yang terletak di Jalan Dato' Ismail Hashim di sini sedia diduduki.

Sebanyak 642 unit di tingkat 1 hingga 18 dengan saiz 650 kaki persegi, tiga bilik tidur dan masing-masing sebuah bilik mandi serta tandas dijual pada harga RM42,000.

Manakala, 21 unit komersial di tingkat bawah bersaiz antara 667 kaki persegi hingga 1,392 kaki persegi dijual dengan harga jualan dari RM267,000.

Sebagai simbolik, majlis penyerahan kunci kepada penghuni-penghuni baru di sini baru-baru ini disempurnakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo bersama Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Jagdeep dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada pemaju, *Ideal Property Group* kerana berjaya memenuhi tanggungjawab sosial korporat pihaknya.

“Kerajaan Negeri akan senantiasa memberi sokongan penuh kepada pihak-pihak yang berusaha menyediakan perumahan untuk rakyat,” katanya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Abdul Malik menekankan kepentingan menjaga dan memelihara kebersihan persekitaran perumahan baru masing-masing.

“Berkerjasamalah dengan jiran-jiran baru anda untuk memelihara persekitaran yang bersih selaras dengan visi Hijau dan Bersih kita,” ujar beliau.

Umumnya, pemilihan pembeli yang layak dikendalikan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Setelah permohonan disahkan, nama-nama akan dikemukakan kepada pihak pemaju bagi proses penentuan pemilihan.



JAGDEEP Singh Deo (berdiri, tiga dari kanan) sambil ditemani Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) menyerahkan kunci replika unit kediaman kepada salah seorang penerima di sini baru-baru ini.

Maklum balas umum bentuk masa depan Pulau Tikus

PULAU TIKUS – Orang ramai diseru mengambil bahagian dalam Perundingan Kajian Komuniti Pulau Tikus sebagai maklum balas berhubung harapan serta perancangan terhadap masa hadapan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, kajian komuniti tersebut adalah sebahagian daripada Analisis Sosial dan Perancangan Ekonomi serta Analisis Ruangan yang dijalankan *Geografia* (sebuah syarikat dari Melbourne, Australia dan pernah terlibat dalam pembangunan *Think City* serta *George Town World Heritage Incorporated*) dan *Penang Heritage Trust* (PHT) dengan kerjasama pusat khidmat beliau.

“Saya menyeru orang ramai khususnya peniaga tempatan dan penduduk di sini (Pulau Tikus) serta kawasan sekitar untuk mengambil bahagian dalam kajian ini sekaligus memberi maklum balas secara terus kepada *Geografia* dan PHT.

“Data-data yang diperoleh ini amat



YAP Soo Huey.

penting kerana kami (pihak penganjur) ingin melihat apa yang paling dikehendaki oleh komuniti di Pulau Tikus ini.

“Melalui kajian ini juga, kita akan mencari alternatif terbaik untuk membangunkan Pulau Tikus sebagai sebuah bandar yang mempunyai daya tarikannya tersendiri,” ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pengarah Projek *Geografia*, Matt Benson berkata, kajian tersebut penting untuk pembangunan masa hadapan Pulau Tikus.

“Kajian ini membolehkan kita merancang pembangunan jangka panjang untuk tempoh 15 hingga 20 tahun akan datang meliputi aspek antaranya pemetaan semula, perancangan, polisi-polisi yang digunapakai dan penduduk itu sendiri,” ujarnya.

Perundingan Kajian Komuniti Pulau Tikus dijalankan dalam tiga bahasa dan boleh diakses melalui laman sesawang *mypulautikus.org* mulai 30 Oktober sehingga 31 Disember ini.

Hapus IPP lebih jimat berbanding kurang subsidi gula – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

JAWI- Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, subsidi Kerajaan Pusat untuk semua stesen janakuasa bebas (IPP) yang dianggarkan RM8 bilion setahun sepatutnya dihapuskan terlebih dahulu, berbanding mengurangkan subsidi gula sebagaimana dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Guan Eng semasa mengulas mengenai Bajet 2014 berkata, langkah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu hanya akan terus menguntungkan kroni, selain, meningkatkan lagi kos sara hidup rakyat terbanyak.

“Mereka (IPP) janakuasa bebas dan jual kepada TNB (Tenaga Nasional Berhad). Dia (IPP) telah dapat subsidi, subsidinya sangat banyak (dipercai) berpuluh-puluh bilion ringgit.

“Kenapa Kerajaan Pusat tidak mansuhkan subsidi untuk IPP, kenapa kurangkan subsidi gula.

“Kalau nak kurangkan subsidi, saya kata boleh. Tetapi, kurangkan

subsidi kepada syarikat korporat-korporat besar (IPP) ini dulu.

“Jangan selalu kurangkan subsidi, orang bawah (rakyat) yang kena (tanggung susah) dulu, syarikat korporat besar terlepas (terus mendapat subsidi),” ujarnya semasa merasmikan Kursus Induksi Briged Wanita Pulau Pinang Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng, P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan), Soon Lip Chee (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Jawi), Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti) turut hadir dalam majlis anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) tersebut.

Baru-baru ini, Najib yang juga Menteri Kewangan I mengumumkan pemotongan subsidi gula, hatta mengakibatkan harga komoditi asasi rakyat itu naik lagi 34 sen menjadi RM2.84 sekilogram sekarang.

Langkah Najib itu kononnya menjimatkan perbelanjaan negara



KETUA Menteri, Soon Lip Chee (paling kiri) dan Chong Eng (paling kanan) bersama-sama peserta menunjukkan tanda bagus pada penganjuran Kursus Induksi Briged Wanita Pulau Pinang Peringkat Daerah SPS di sini baru-baru ini.

sebanyak RM64.02 juta bagi tahun ini dan RM551.25 juta pada tahun depan.

Najib berdalih, langkah mengurangkan subsidi gula dapat mencegah rakyat daripada penyakit kencing manis atau diabetes.

Di sebalik kenaikan harga gula ini, ‘Raja Gula’ yang dikenali sebagai Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary dipercayai khalayak paling banyak mendapat manfaat kerana ahli korporat mesra Kerajaan Pusat itu

didakwa menguasai industri gula negara.

Ekoran itu, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, RM8 bilion – lebih besar dari jumlah penjimatan hasil pemotongan subsidi gula – boleh diselamatkan jika Kerajaan Pusat menghapuskan syarikat-syarikat kroni IPP yang nyata sekaligus memulihara kos sara hidup rakyat terbanyak di tanah air ini.

Projek pemulihan Komtar jangka siap 2016

Oleh: **MARK JAMES**

GEORGE TOWN - Projek pemulihan bangunan Komtar dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2016.

Malah, menjelang pertengahan tahun hadapan, sebuah dewan jamuan di aras bumbung tingkat lima meliputi fasa pertama projek dijangka siap.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek bernilai RM50 juta tersebut adalah selaras dengan strategi makro bagi membaikpulih Komtar dan kawasan perniagaan sekitarnya melalui *Asia's First Business Improvement District Scheme* (BIDS) di mana pihak berkepentingan menggabungkan sumber masing-masing untuk pelaksanaan program pemulihan bandar George Town.

“Dengan tender terbuka melalui *request for proposal* (RFP), projek revitalisasi



LAKARAN reka bentuk grafik projek revitalisasi Komtar yang dijangka siap sepenuhnya pada 2016 di sini.

Komtar bakal dilaksana syarikat *Only World Group* (OWG).

“Bila Komtar dibangunkan pada 1986, ia merupakan kemegahan negeri Pulau Pinang, tetapi malangnya selepas kira-kira 30 tahun, kemegahannya telah pudar.

“Projek ini merupakan usaha Kerajaan Negeri bagi membawa kembali kegemilangan bangunan ikonik ini kepada negeri dan rakyat Pulau

Pinang”, ujarnya pada Majlis Perasmian Tapak Dewan Jamuan Baru Projek di sini baru-baru ini.

Selain sebuah dewan jamuan, projek tersebut turut merangkumi pembinaan dua buah lif pemerhati berkelajuan tinggi yang bakal menjadi tarikan terbaru Komtar. Lif-lif berkenaan akan menghubungkan bumbung tingkat lima ke tingkat teratas (tingkat 65) melalui

tingkat 59 dan tingkat 60.

Malah, projek terbabit juga bakal merangkumi pembaharuan di tingkat 59, 60, 64 serta 65. Turut tersenarai adalah empat lif sedia ada di blok menara, arked membeli-belah di ruang terbuka dan pemasangan sebuah eskalator yang bakal menghubungkan tingkat lima ke *Komtar Walk*.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan OWG, Datuk Richard

Koh yakin bahawa pelaburannya akan membuahkan hasil ekoran tarikan baru serba canggih seperti lantai lutsinar di tempat makan ruang luar tingkat 65.

“Kami ingin ‘memberikan’ pelawat Komtar satu kenangan yang tidak boleh dilupai.

“Saya berasa yakin bahawa OWG boleh dan akan memberi nafas baru kepada bangunan ikonik negeri Pulau Pinang ini,” ujar beliau.



Masalah tangki air bocor Flat Teluk Indah selesai

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PERAI - Nasib penduduk flat kos rendah di negeri terus diberi perhatian Kerajaan Negeri apabila Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy melawat penyelesaian kerja pembaikan tangki pam air di Flat Teluk Indah di sini baru-baru ini.

Ramasamy berkata, penyelesaian kerja itu membuktikan Kerajaan Negeri komited dalam membela nasib rakyat di negeri ini.

"Kebanyakan penduduk di sini merupakan orang yang kurang berkemampuan dan tidak mampu membayar kos penyelenggaraan flat...jadi Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif ini bagi membantu penduduk menyelenggara kediaman mereka," katanya.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM118,000 melalui pejabat tanah di bawah Program Infrastruktur Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai dan menggunakan khidmat syarikat *SJD Construction*

& Engineering untuk kerja penyelenggaraan.

"Sejumlah wang yang besar telah digunakan untuk memperbaiki kerosakkan tangki pam air di dua buah blok flat yang terbabit.

"Antara kerja yang dijalankan adalah pemasangan dua pam berkapasiti *t i n g g i*, membaikpulih dua tangki lama dan motor serta menggantikan sistem paip lama kepada yang baru," ujar beliau.

Hadir bersama, Pengarah *SJD Construction & Engineering*, Francis John.

Menurut Francis, sistem baru yang digunakan iut akan berjalan



PROF. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) mendengar penjelasan fungsi sistem tangki pam baru yang dipasang wakil kontraktor penyelenggaraan di sini baru-baru ini.

sepenuhnya secara automatik bagi mengelakkan masalah kebocoran dan limpahan air dari berulang.

Dalam pada itu, Ramasamy turut menyuarakan kerisauan terhadap keretakan struktur kedua-dua buah

blok flat tersebut yang menempatkan 1,024 unit kediaman itu.

"Sekarang kita akan fokus kepada kerja pemeriksaan struktur bangunan bagi memastikan ia stabil dan selamat untuk didiami," ujar beliau.

Negeri catat antara hartanah paling rendah tidak terjual - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Pulau Pinang mencatatkan antara hartanah yang paling rendah tidak terjual untuk unit kedai, unit industri dan kediaman di negara ini bagi suku kedua tahun ini, lapor *The Edge Malaysia Edition* bertarikh 21 Oktober lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, laporan itu mendedahkan hanya 40 unit kedai bernilai RM17.11, 163 unit kediaman (RM63.4 juta) dan 25 lot industri (RM6.34 juta) tidak terjual di negeri ini.

"Bandar-bandar lain yang mungkin mengalami lebih ruang pejabat, tetapi Pulau Pinang tidak menghadapi masalah ini, malahan mungkin menghadapi kekurangan.

"Hartanah tidak terjual yang rendah di kedai-kedai di Malaysia menonjolkan kejayaan dan kemajuan Pulau Pinang dan menepati ramalan KPMG bahawa Pulau Pinang salah satu daripada 31 global *Business Process Outsourcing* (BPO) masa

depan di dunia," katanya dalam kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, usaha yang bermula dua tahun lalu oleh Kerajaan Negeri yang memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan, kerana mengambil hampir 100 peratus pekerja tempatan dengan bayaran gaji yang lebih tinggi, mula menunjukkan hasil.

"Dengan memanfaatkan kelebihan sedia ada di sini (Pulau Pinang) sebagai sektor pembuatan bertaraf dunia telah membantu negeri menjadi pemangkin kepada pertumbuhan teknologi maklumat (IT) dan perkhidmatan industri di Pulau Pinang.

"Hari ini, banyak syarikat-syarikat Multi-Nasional dalam industri elektronik telah menjadikan Pulau Pinang hab pentadbiran dan pengeluaran mereka, dengan operasi *Shared Service Outsourcing* (SSO) dalam sumber manusia, perolehan,

NEGERI	KEDIAMAN		KEDAI		INDUSTRI	
	UNITS	NILAI (RM JUTA)	UNITS	NILAI (RM JUTA)	UNITS	NILAI (RM JUTA)
WP Kuala Lumpur	2,022	1,887.95	0	0	0	0
WP Putrajaya	0	0	0	0	0	0
WP Labuan	0	0	8	4.20	0	0
Selangor	2,479	1,444.71	328	80.07	47	9.99
Johor	3,573	679.20	1,864	427.56	150	74.18
Pulau Pinang	163	63.40	40	17.11	25	6.34
Perak	891	180.50	387	117.81	17	8.25
Negeri Sembilan	2,023	297.60	583	132.08	14	4.31
Melaka	872	201.16	455	91.60	151	47.55
Kedah	1,347	138.47	135	31.07	0	0
Pahang	286	57.21	169	95.79	20	4.04
Terengganu	32	8.49	0	0	0	0
Kelantan	98	12.74	70	49.00	0	0
Perlis	37	5.07	0	0	0	0
Sabah	218	138.56	166	76.33	36	19.06
Sarawak	35	103.19	167	73.58	15	6.72
Jumlah	14,576	5,198	4,412	1,202.19	475	180.44

pemprosesan data, urus niaga kredit, kewangan dan perakaunan serta IT di Pulau Pinang," jelasnya.

Beliau memberitahu, bagi merangsang pertumbuhan masa depan, Kerajaan Negeri memperuntukkan 17 ekar tanah di Bayan Baru dan Bayan Lepas untuk menjadi Hub BPO negeri.

"Bayan Baru (Fasa 1) dan Bayan Lepas (Fasa 2) menawarkan sekurang-kurangnya 1.7 juta kaki persegi ruang luar dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

"Hab BPO Pulau Pinang akan menjadi projek BPO terbesar Pulau

Pinang," ujar Guan Eng.

Lawatan disertai Konsul Besar RI, Ronald J.P. Manik, Konsul Konsular, I. Barry Kafiari, Penasihat Menteri, Akhmad Daya Handasah Irfan dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak, Ketua Marsyal Udara (B) Herman Prayitno.

Dalam pertemuan tersebut, Konsul Besar RI menzahirkan rasa kesal atas serangan lanun melibatkan nelayan Malaysia dan berharap agar kejadian seumpamanya tidak akan berulang lagi.

Malah, beliau turut memohon maaf bagi pihak Kerajaan RI rentetan

kebakaran hutan di Indonesia sehingga menyebabkan berlakunya jerebu yang teruk.

Lanjutan itu, Ronald turut berharap agar hubungan Malaysia – Indonesia khasnya tidak akan terjejas dek kejadian-kejadian tersebut.

Pertemuan selama sejam itu turut memberi ruang kepada Ketua Menteri untuk mencadangkan agar *Garuda Airlines* dapat menambah bilangan penerbangan ke Pulau Pinang dan sebaliknya.

Guan Eng percaya bahawa dengan adanya tambahan penerbangan, jaringan kerjasama ekonomi dan pelancongan kedua-dua buah negara dapat diperkukuhkan.

Sijil halal bantu kembang perniagaan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BAYAN LEPAS - Pengarah Urusan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Datuk Zabidah Ismail menyeru agar usahawan Islam mengutamakan dan menitikberatkan pemilikan sijil halal dalam sektor serta industri diceburi bagi meningkatkan potensi ekonomi masing-masing.

Perkara tersebut dinyatakan beliau ketika hadir merasmikan Seminar Keusahawanan & Pembangunan Halal Pulau Pinang anjuran Zakat Pulau Pinang, AIM, *Penang International Halal Hub* (PIHH) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bertempat di Kompleks Tabung Haji di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, bidang halal kini dilihat begitu penting dan berkembang sehingga ia berjaya menarik minat golongan bukan beragama Islam.

“Kalau kita lihat perkembangan halal pada hari ini, usahawan bukan Islam turut berlumba-lumba memperoleh persijilan halal kerana golongan terbabit tahu potensi yang dapat dijana apabila sesebuah produk itu diiktiraf.

“Kepercayaan terhadap produk halal itu sendiri dilihat penting sehinggakan ada penggiat industri dari kalangan bukan Islam sendiri meminta supaya barangan yang mahu diniagakan terlebih dahulu memperoleh sijil halal,” ujarnya pada ucap tama Seminar Keusahawanan & Pembangunan Halal Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Objektif utama penganjuran seminar berkenaan adalah untuk menyuntik kesedaran ke dalam diri para peniaga Islam supaya mementingkan pemasaran produk-produk



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Seminar Keusahawanan & Pembangunan Halal Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

berstatus halal.

Seminar selama sehari itu antara lain menjadi medium untuk melontarkan persoalan, bertukar pandangan, berkongsi masalah serta mencari jalan penyelesaian di antara para sahabat AIM dengan pakar-pakar dilantik.

Serentak itu, syarikat QSR Brand (Malaysia) Holdings Sdn Bhd. yang menjadi naungan rangkaian restoran makanan segera *Kentucky Fried Chicken* (KFC) dan *Pizza Hut* turut mengeluarkan zakat perniagaan berjumlah RM229,086.00 kepada Zakat Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Zabidah turut menyeru hampir 400 peserta seminar supaya menjadikan diri masing-masing lebih berdaya saing dari semasa ke semasa bagi meningkatkan nilai pendapatan.

“Melalui penyertaan kita dalam bidang keusahawanan ini, pelbagai peluang akan muncul dan perlu kita dapatkannya untuk meningkatkan lagi tambah nilai bagi sektor perniagaan masing-masing,” jelas beliau lagi.

Hadir sama, Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang, Azman Abdul Samat.

Pencemar, Awas!

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Sejumlah 2,093 kilogram (kg) sampah berjaya dipungut kira-kira 1,000 sukarelawan yang menyertai Program Pembersihan Pantai Antarabangsa Pulau Pinang 2013 (*Penang International Coastal Clean-up 2013*) dekat Persiaran Gurney di sini baru-baru ini.

Puntung rokok, penutup botol, beg plastik, plastik pembungkus makanan, penyedut minuman dan daun-daun kering antara bahan buangan terbanyak selain botol minuman kaca, lampin pakai buang dan sudu garfu plastik yang berjaya dikumpul sempena penganjuran program berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan Pantai Antarabangsa Pulau Pinang, Yap Soo Huey menyatakan adalah mustahak untuk menyedarkan masyarakat sekeliling tentang peri pentingnya menjaga alam sekitar agar ia tidak menjejaskan ekosistem dunia.

"Program pembersihan pantai telah giat dilaksanakan sejak 2010 dan kini ia

merupakan salah satu inisiatif yang berbentuk '*non-structural measures*' dalam menjayakan misi Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

"Tahniah dan terima kasih kepada sukarelawan yang hadir menjayakan program kali ini dan menjadi sebahagian daripada 561,633 sukarelawan seluruh dunia yang turut serta mengadakan program seumpama ini," katanya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus.

Dalam program sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut memberi 'amaran' kepada pencemar alam sekitar yang 'ditangkap' membuang sampah di kawasan awam.

"Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai inisiatif hijau dan bersih termasuk 'Hari Tanpa Beg Plastik Setiap Hari' pada 2010 sebagai langkah membendung pencemaran alam sekitar.

"Oleh itu, pencemar, awas! Kita (Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan



SEBAHAGIAN daripada 1,000 sukarelawan yang turut serta dalam Program Pembersihan Pantai Antarabangsa Pulau Pinang 2013 dekat Persiaran Gurney di sini baru-baru ini.

(PBT) dan komuniti setempat) melihat dan akan bertindak terhadap mereka yang didapati bersalah berdasarkan prinsip '*polluter-pays principle*,' tegas beliau.

Turut ditekankan Guan Eng adalah beberapa formula penting dalam menjayakan sesuatu inisiatif Kerajaan Negeri antaranya, perubahan sikap masyarakat, sistem dan ketersediaan masyarakat untuk berubah.

Program Pembersihan Pantai

Antarabangsa Pulau Pinang 2013 disertai 16 pasukan antaranya syarikat korporat, Dell (M) Sdn. Bhd. (penyertaan terbanyak), Persatuan Pandu Puteri Pulau Pinang, Kolej INTI, *Penang Green Council*, Kolej Disted, Kolej KDU dan Kumpulan Gurney.

TOWA-M Sdn. Bhd. diumumkan sebagai 'Satria Pantai' dengan jumlah kutipan terbanyak pada hari tersebut iaitu 463.5 kilogram.

Sertai kaji selidik, naik bas percuma sebulan

PULAU TIKUS - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus mengambil inisiatif khas memperkenalkan program *Pulau Tikus Green Transport Users* sebagai menyahut seruan Kerajaan Negeri dalam menaiktaraf serta meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di sini.

Seruan tersebut merupakan usaha ke arah mengurangkan pencemaran alam dan demi kemudahan rakyat Pulau Pinang.

Malah, selaras dengan inisiatif tersebut, ADUN berkenaan, Yap Soo Huey sendiri menggunakan basikal dan pengangkutan awam sekerap empat hari seminggu sejak awal bulan lalu.

Menurut Soo Huey, *Pulau Tikus Green Transport Users* merupakan program ulung dalam memahami permasalahan dihadapi pengguna pengangkutan awam sekitar Pulau Tikus, Taman Gottlieb dan Jalan Mount Erskine di sini.

"Pengguna akan diberi sekeping kad *Rapid Travel* percuma untuk penggunaan selama sebulan dan melayakkan mereka untuk menggunakan bas *Rapid Penang* di serata Pulau Pinang.

"Walau bagaimanapun, mereka yang ingin mendapatkan kad ini perlulah melengkapkan borang kaji selidik setiap bulan bermula November sehingga Disember ini.

"Kaji selidik dijalankan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin," katanya pada sidang akhbar *Pulau Tikus Green Transport Users* di sini baru-baru ini.

Pelaksanaan program berkenaan adalah hasil kerjasama bersama syarikat

pengangkutan bas awam negeri, Rapid Penang Sdn. Bhd.

Soo Huey memberitahu, kajian yang dijalankan pada 2011 mendapati hanya 3.2 peratus warga negeri menggunakan perkhidmatan awam dan kenyataan tersebut perlu diberi perhatian bahawa kenapa rakyat Pulau Pinang tidak memilih untuk menaiki perkhidmatan awam terutamanya bas.

Tambah beliau, Pulau Pinang merupakan negeri kecil terutama di bahagian pulau, di mana jaringan jalan rayanya tidak boleh dilebarkan lagi.

"Oleh demikian, inisiatif menggunakan pengangkutan awam adalah wajar dan Kerajaan Negeri telah mengambil langkah terbaik dengan memperkenalkan Hari Tanpa Kenderaan setiap hari Ahad di George Town," ujarnya.

Jelas beliau, setiap hari, sebanyak 146 kenderaan baru didaftarkan dan ia merangkumi 56 peratus penduduk Pulau Pinang yang menggunakan kenderaan.

"Eric Britton, pengasas Hari Tanpa Kenderaan telah menggariskan 31 cadangan untuk menaiktaraf perkhidmatan perngangkutan awam dan Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan beliau.

"Salah satunya adalah kepimpinan negeri perlu menggunakan pengangkutan awam sekurang-kurangnya seminggu sekali sebagai

galakan dan pemahaman yang lebih telus tentang perkhidmatan awam di negeri ini," tegas Soo Huey.

Borang kaji selidik boleh didapati di Pusat Khidmat ADUN Pulau Tikus, Jalan Jones atau menghubungi talian 04 - 226 6217.



ANTARA peserta awal kaji selidik yang memperoleh kad *Rapid Travel* ekoran pelaksanaan program *Pulau Tikus Green Transport Users* di sini baru-baru ini.

MPSP tawar RM100 dedah dalang buang sampah haram

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

PERAI - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan memberi ganjaran RM100 kepada mereka yang berjaya mendedahkan dalang di sebalik aktiviti pembuangan sampah secara haram sekitar sini.

Ahli Majlis bagi MPSP, M. Satees berkata demikian

semasa berucap pada program *Plant For The Planet* sempena Hari Tindakan Iklim Antarabangsa baru-baru ini.

"Tangkap gambar mereka dan hantar kepada MPSP...mereka yang memberi maklumat dan bukti akan diberi ganjaran RM100 oleh MPSP," ujar beliau di sini.

Difahamkan, Satees bersama-sama seorang lagi Ahli Majlis MPSP, P. David Marshel mengeluarkan peruntukan majlis sebanyak RM3,000 bagi menganjurkan program menanam pokok di bekas tapak pembuangan sampah haram tersebut di sini.

Program gotong-royong yang melibatkan komuniti setempat Taman Chai Leng itu turut mendapat partisipasi langsung daripada Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy dan P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan).

"Saya tidak mahu sebatang pokok pun



P. KASTHURIRAANI (paling kiri), **M. Satees** (tengah), **P. Ramasamy** (empat dari kiri) dan **P. David Marshel** (paling kanan) menyempurnakan acara menanam pokok teduh di sini baru-baru ini sempena Hari Tindakan Iklim Antarabangsa.

ditebang di Perai tanpa pengetahuan saya.

"Pokok yang dalam keadaan berbahaya sahaja akan dibenarkan untuk ditebang," ujar Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai.

Nada yang sama turut disuarakan oleh Kasthuriraani.

"Masyarakat harus sokong usaha-usaha Majlis Perbandaran dan Kerajaan Negeri supaya impian Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat, Selamat dapat dijayakan.

"Saya amat berbesar hati dan bangga (kerana) menjadi salah seorang daripada usaha penanaman pokok (pada) hari ini," ujar Kasthuriraani.

Hari Tindakan Iklim Antarabangsa yang diraikan pada tanggal 24 Oktober saban tahun bagi menyedarkan masyarakat dunia mengenai pri penting memulihara iklim serta alam sekitar di kawasan pemukiman masing-masing.

Siri terakhir Penang Run 12 Jan. 2014

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

TELUK BAHANG - Upacara perasmian dan penyampaian hadiah kepada para pemenang kejohanan *Penang Run* siri ketiga berlangsung dengan lancar di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Katanya, objektif keseluruhan penganjur *Penang Run* adalah untuk menyajikan para peserta

dengan keindahan semulajadi, seni bina dan sejarah negeri ini.

"Kejohanan ini merupakan satu-satunya program larian mengelilingi keseluruhan pulau dalam negara kini dan Kerajaan Negeri amat berbangga dengan penganjurannya," katanya di sini baru-baru ini.

Kejohanan *Penang Run* terbahagi kepada empat siri yang mana titik permulaan adalah bermula dari George Town dan berakhir di Batu Ferringhi pada



KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama barisan pemenang kejohanan *Penang Run* siri ketiga di sini baru-baru ini.

siri terakhir.

Pada setiap siri, para peserta diberikan pingat khas yang direka seperti 'jigsaw puzzle' dan ianya dapat dicantum sekiranya peserta melengkapi keempat-empat siri kejohanan.

Dalam pada itu, Guan Eng turut melahirkan rasa terima kasih kepada jawatankuasa penganjur yang antaranya terdiri dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO),

BetterPenang atas sokongan padu menjayakan acara berkenaan.

Bagi makluman, siri terakhir jelajah *Penang Run* akan diadakan di Batu Ferringhi pada 12 Januari 2014.

Beddos juara kejohanan skuasy



RACHAEL Grinham (kiri) dan **Emma Beddoes** menunjukkan trofi kemenangan masing-masing pada Kejohanan Skuasy Wanita IJM Land Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri berharap pertandingan skuasy di negeri ini bakal memperoleh penyertaan dari peserta seluruh dunia pada masa akan datang.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng pada Kejohanan Skuasy Wanita IJM Land Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang turut melahirkan rasa terima kasih kepada syarikat pemaju, IJM Land Pulau Pinang atas tajaan yang diberikan.

Kejohanan yang berlangsung di Pusat Skuasy Antarabangsa Nicol David itu menyaksikan peserta dari England, Emma Beddoes, 28, dinobatkan sebagai juara selepas membenam lawannya, Rachael Grinham, 36, dari Australia dalam pusingan akhir.

Grinham memenangi set ketiga

perlawanan, tetapi mensia-siakan peluang di set keempat dengan membenarkan Beddoes melengkapkan kemenangan atas keputusan 14-12, 11-3, 7-11, 11-9 bagi meraih gelaran juara.

Beddoes memenangi hadiah wang tunai US\$10,000 (RM31,800), sekaligus menempatkan beliau di kedudukan 20 terbaik dunia.

Dalam pada itu, ketika ditemui, Beddoes yang juga berjaya menewaskan juara bertahan, Joshna Chinappa pada perlawanan separuh akhir di sini menyatakan bahawa Grinham adalah seorang pemain yang sukar ditewaskan.

Kepada Grinham, beliau menyatakan bahawa dirinya telah mempamerkan aksi terbaik, namun, persaingan menentang Beddoes adalah terlalu sengit.

Grinham sebelum ini pernah ditewaskan Nicol dalam merebut kejuaraan yang sama pada tahun 2006.

KN puji inisiatif penganjur beramal & bersukan



SEBAHAGIAN pemenang *Guan Ming Bukit Jambul Hikathon 2013* menunjukkan medal yang dimenangi di sini baru-baru ini.

BUKIT JAMBUL - Kerajaan Negeri memuji inisiatif pihak penganjur acara *Guan Ming Bukit Jambul Hikathon 2013* atas keprihatinan menghulurkan sumbangan derma berjumlah RM17,000 kepada tujuh buah rumah kebajikan di negeri ini.

Sumbangan tersebut adalah hasil pungutan daripada bayaran yuran penyertaan acara yang telah berlangsung sejak enam tahun lalu di Bukit Jambul di sini.

Kenyataan tersebut disuarakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim yang hadir merasmikan acara tersebut di sini baru-baru ini.

Pihak penganjur iaitu syarikat percetakan, *Guang Ming Daily*

menerima 2,700 penyertaan di mana 500 daripada jumlah tersebut adalah pelajar-pelajar sekolah berusia 12 tahun ke bawah dan golongan orang kurang upaya (OKU).

"Selain sumbangan kepada badan-badan kebajikan, sikap penganjur yang memberikan penyertaan percuma kepada pelajar-pelajar sekolah serta OKU juga harus dipuji," ujarnya yang mewakili Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Sukan Negeri (MSN) dan Kerajaan Negeri adalah antara penganjur bersama kejohanan berkenaan.

Pakcik Mat usahawan 'Pak Janggut' Tanjung Berembang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

Foto: **IDZHAM AHMAD**

PROJEK pembenihan udang galah atau nama saintifiknya *Macrobrachium rosenbergii* sememangnya berpotensi besar untuk dimajukan tetapi bukanlah calang-calang orang yang mampu melaksanakannya. MAT SAAD SULAIMAN, 64, adalah di antara mereka yang berjaya menjadi usahawan pembenihan udang galah di Pulau Pinang.

Ikuti Krew Jalan-Jalan yang berkesempatan menemui Pakcik Mat di Pusat Pembenihan Udang Galah KPSP Tanjung Berembang, dekat Nibong Tebal baru-baru ini.

Sokongan Keluarga, Minat

Terkenal kerana rasa isinya yang sedap, udang galah atau lebih dikenali dalam kalangan penduduk setempat sebagai 'Pak Janggut' mempunyai nilai yang tinggi.

Menurut Pakcik Mat, minat untuk menceburi bidang ini timbul apabila mendapati kurangnya penglibatan usahawan bumiputera dalam lapangan tersebut.

"Selain sokongan keluarga, saya juga menerima sokongan rakan-rakan dan khidmat nasihat daripada Jabatan Perikanan untuk menjalankan projek pembenihan ini.

"Alhamdulillah, kini Pakcik dengan enam orang lagi rakan-rakan bergilir-gilir memantau dan mengusahakan pusat ini," katanya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.



BENIH udang galah yang digunakan di Pusat Pembenihan Udang Galah KPSP Tanjung Berembang di sini.

Mereka yang terlibat sama ialah Suhaimi Abd. Rahman, Aziwan Ali, Abdul Hadi Edar, Elias Shafie, Razali Othman dan Mohamad Salim Yacob.

Memulakan projek itu sejak awal tahun 2008 lagi, Pakcik Mat kini mempunyai 35 buah tangki pembenihan di pusat tersebut.

"Bekalan benih galah buat masa ini memang mencukupi untuk menampung permintaan pasaran.

"Harga benih udang galah ni kalau di pasaran dalam 6 sen seekor dan biasanya kita akan beli antara 50,000 ekor sehingga 70,000 ekor satu tangki," jelasnya yang turut menyatakan projek pembenihan terbabit sememangnya kurang persaingan kerana tidak ramai yang berminat.

Habitat Udang Galah



MAT Saad Sulaiman.

Menurut Pakcik Mat, habitat asal udang galah adalah di sungai yang berair tawar terutama di kawasan hulu sungai yang airnya bersih. Walau bagaimanapun, ketika induk betina hendak bertelur, ia akan menuju ke kawasan hiliran sungai iaitu kawasan yang berair payau (campuran air tawar dan masin).

Dianggarkan antara 80,000 sehingga 100,000 telur dihasilkan oleh induk udang galah betina.

"Oleh itu, pembenihan udang galah dalam tangki haruslah dibuat dengan meniru ciri-ciri asal habitat udang galah tersebut," jelasnya.

Selain mempunyai tangki induk, di sini juga terdapat tangki asuhan untuk membolehkan penetasan benih-benih udang galah.

Bekalan Oksigen

Tambahnya, udang galah bernafas hanya menggunakan oksigen terlarut yang terdapat dalam air.

"Tidak seperti ikan yang boleh bernafas menggunakan oksigen terlarut dan oksigen di permukaan air.



(Dari kiri), AZIWAN Ali, Suhaimi Abd. Rahman dan Mat Saad Sulaiman antara tujuh pengusaha Pusat Pembenihan Udang Galah KPSP Tanjung Berembang di sini.

"Sebab itu, jika udang galah yang ditangkap diletakkan dalam air yang tidak disediakan bekalan oksigen, akan mati dalam tempoh singkat," ujar Mat Saad.

Oksigen terlarut terhasil sekiranya ada pergerakan air.

Mengulas lanjut, katanya, beliau menggunakan sumber air sungai Tanjung Berembang yang terletak kira-kira 300 meter dari pusat pembenihan tersebut.

"Dalam penternakan udang ni, kualiti air perlu dijaga rapi mengikut piawaian pH selain alat yang membekalkan sumber oksigen," kata Mat Saad lanjut.

Benih Udang Galah

"Pembenihan tidak memerlukan sebarang suntikan hormon, yang perlu hanyalah stok induk yang matang, diasingkan dan dibiarkan ia menetaskan telurnya secara semulajadi.

"Induk akan diberi makan setiap hari menggunakan pellet udang," ujarnya.

Selain itu, Mat Saad memberitahu, air adalah perkara paling mustahak dan perlu diberi perhatian. Kegagalan menyediakan air yang sesuai akan

menyebabkan pembenihan gagal dijalankan.

Teknik mencampurkan air laut dan air tawar serta campuran air tawar dan garam perlulah mengikut spesifikasi ditetapkan. Malah, suhu juga harus dikawal demi menjaga hayat benih yang telah menetas.

Kenali Jantina Udang Galah

Fizikal udang galah jantan jauh lebih besar dari udang galah betina

dan ia memiliki sepit yang panjang dan galah berwarna kebiruan.

Manakala, bagi udang galah betina pula, galah dan sepitnya adalah lebih kecil berbanding udang galah jantan.

Pasaran, Lokasi Tangkapan Terbaik Malaysia

Menurutnya, ada dalam kalangan pelanggannya yang datang ke pusat ini untuk menempah udang galah.

"Udang galah perlu ditempah kerana di pusat ini, bukan hari-hari ada udang.

"Kita perlu ikut proses pembenihan, penetasan dan tumbesaran udang yang antara lain memakan masa antara 45-70 hari," katanya yang kini mendapat tempahan mencecah 70,000 ekor.

Selain itu, menurutnya, udang-udang yang tidak mempunyai pembeli akan dilepaskan ke dalam Sungai Kerian bagi membolehkan nelayan sungai menjana pendapatan lumayan.

Krew Jalan-jalan sempat singgah ke Jeti Tanjung Berembang dan menemui dua nelayan sungai yang menjadikan tangkapan udang galah sebagai sumber pendapatan.

"Setiap hari, bolehlah kami tangkap antara lima hingga 10 kilogram udang galah yang harganya mencecah sehingga RM40 sekilogram," ujar salah seorang nelayan yang hanya mahu dikenali sebagai 'pakcik'.

Terdahulu, Pegawai Penyelaras Kawasan Undangan Negeri (PPK) Sungai Acheh, Mohammad Razak yang mengiringi Krew Jalan-jalan turut menyatakan pendapat bahawa Sungai Kerian mampu menjadi lokasi menangkap udang galah terbaik di Malaysia.

"Selain udang galah, ikan juga menjadi sumber pendapatan utama kebanyakan penduduk di sin.

"Sememangnya di sini (Sungai Kerian) boleh dikomersialkan sebagai daya tarikan pelancong luar terutama penggemar makanan laut," ujar beliau sebagai akhir bicara.



ANTARA hasil tangkapan Sungai Kerian.



'PAKCIK' dengan hasil tangkapannya.

Karate Kata ubah masa depan Lee Lee

BELIAU menerima Anugerah Jurulatih Terbaik Negeri baru-baru ini atas kejayaannya membawa pasukan *Karate Kata* negeri merangkul tempat kedua kategori berpasukan dalam Sukan Sea lepas.

Beliau juga merupakan individu penting di sebalik kejayaan pelatih, Thor Chee Yee, 20, yang memenangi tempat ketiga kategori perseorangan dalam Sukan Sea yang sama, sekaligus dipilih menerima anugerah Penerima Anugerah Olahragawati Harapan Tahun 2012.

Di gelanggang, ketegasan serta disiplin melatih atlet-atlet muda di bawah umur 20 tahun cukup menyerlah.

Tetapi, peribadi tersebut mudah diramahi semasa diwawancara wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB**.

Beliau yang dimaksudkan tidak lain tidak bukan, Lim Lee Lee, 38.

“Saya sangat menghargai anugerah Kerajaan Negeri ini, sebab saya masih muda lagi.

“Saya sangat bangga kerana anugerah ini mungkin disebabkan kejayaan berpasukan yang dicapai,” ujarnya semasa diwawancara di Kompleks Majlis Sukan Negeri (MSN) dekat Batu Uban baru-baru ini.

Tahu tidak tahu, Lee Lee merupakan anak kelahiran Jelutong yang kini bermastautin di Air Itam.

Menurut Lee Lee, keluarganya tidak begitu senang. Ayahnya meninggal dunia semasa beliau masih berusia 5 tahun.

Sejak kecil, Lee Lee dikenali sebagai seorang yang lasak oleh rakan-rakan sebayanya.

Sesuai dengan karektornya yang lincah itu, beliau tidak melepaskan peluang untuk menyertai pasukan *Karate Kata* di sekolah semasa berusia 13 tahun.

Dari situ, katanya, beliau tidak pernah ketinggalan dari mewakili Sekolah Menengah Jelutong dalam kejohanan sehingga mewakili negeri seawal berada di Tingkatan 2.

“Mungkin kerana karektor saya sejak kecil dan saya ada ibu tunggal sahaja yang bekerja menyara saya dan adik saya, maka saya perlu lebih berdikari.

“Apabila mendapat pingat semasa mewakili sekolah, saya rasa sangat syok. Saya mahu mewakili negeri pula. Apabila sudah mewakili negeri, saya mahu mewakili negara pula,” seloroh Lee Lee.

Kejayaan Peribadi

Percaya tidak percaya, Lee Lee mewakili negara sudah 20 tahun sebelum bersara pada tahun 2010, lalu, dilantik menjadi jurulatih *Karate Kata*.

“Sejak berusia 14 tahun hingga saya berusia 35 tahun, saya mewakili negara. Ini bukan suatu perjalanan yang senang sebagai atlet kerana minat diri,” ujar beliau.

Lee Lee pernah mendapat tiga pingat emas dalam kejohanan Sukan Sea, pada tahun 2001, tahun 2005 dan tahun 2007.

Beliau berjaya merebut pingat gangsa



LIM Lee Lee.

dalam Sukan ASEAN tahun 1998, pingat perak pada tahun 2001.

Bukan itu sahaja, Lee Lee pernah mendapat tempat kelima dalam *World Championship* di Bulgaria pada tahun 2006.

Sebelum bersara sebagai atlet, Lee Lee hampir mendapat pingat gangsa dalam *World Championship* dekat Serbia pada tahun 2010.

“Saya kurang satu mata sahaja (untuk mendapat) pingat gangsa di Serbia, tetapi, itu paling sedih bagi diri saya sendiri,” ujarnya sambil berharap pelatih-pelatih beliau mampu memburu pingat di kejohanan sama tidak lama lagi.

Latihan di gelanggang

Beliau berkata, seni bela diri bukan sahaja mengajar kaedah mempertahankan diri, tetapi, disiplin juga.

“Saya dan mereka saling anggap kami ini lebih pada satu keluarga kerana saya mendekati mereka sejak kecil lagi di gelanggang.

“Kami lebih merasai (semangat) satu keluarga, bukan sekadar antara seorang jurulatih dengan pelatih.

“Mungkin sejak dari kecil mereka (pelatih) selalu melihat saya memenangi kejohanan, dari sana, mereka (pelatih) juga mempunyai imaginasi sama untuk menjadi lebih baik. Itu mungkin keserasian antara saya dan mereka.

“Semua pelatih saya sangat baik, mereka sangat mendengar arahan kerana mereka ada disiplin di gelanggang,” katanya.

Lee Lee memberitahu, beliau sangat selesa dengan kerjayanya sekarang kerana persahabatan di gelanggang seolah-olah menyempurnakan kehidupannya.

“Jangan gentar”

Lee Lee berkata, tiada apa-apa rahsia di sebalik latih tubi pasukannya di gelanggang.

Tetapi, beliau berkongsi prinsip hidup untuk memastikan pelatih-pelatihnya berjaya



T E K U N memerhatikan pergerakan salah seorang pelatih di gelanggang dekat Kompleks MSN di sini baru-baru ini.



LIM Lee Lee (dua dari kiri) tekun memberi tunjuk ajar kepada pelatih beliau.

memburu pingat dalam setiap arena mereka sertai.

“Rahsia kejayaan? Seseorang pelatih perlu ada ketangkasan, keseimbangan dan kekuatan.

“Pelatih perlu tahan lasak semasa latihan di gelanggang sebab *Kata* ini adalah satu latihan yang diulang-ulang sampai sempurna dan ‘tajam’.

“Jangan gentar...jangan gentar...jangan gentar...apa-apa pun yang datang, baik elok atau tak elok, kita perlu menghadapinya.

“Pelatih dan saya mesti ada fokus, disiplin dan paling penting sedia menerima tekanan di gelanggang latihan supaya tidak gentar lagi di (gelanggang) kejohanan,” jelas Lee Lee.

Di Lee Lee, ada kira-kira 20 pelatih berusia antara 16 tahun hingga 21 tahun.

Itu, tidak termasuk pelatih-pelatih kecil yang berusia di bawah 12 tahun, yang turut menerima tunjuk ajar secara tidak langsung di luar waktu kerjaya.

Harapan

Bercakap mengenai harapan peribadi, Lee Lee berkata, pasukannya sedang membuat persiapan akhir untuk memburu kejuaraan dalam *World Junior Championship* tidak lama lagi.

Selain itu, beliau berharap pasukannya mampu memburu pencapaian yang lebih baik dalam Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun depan.

“Yang penting adalah atlet akan datang. Diharap, mereka (pelatih-pelatih) di bawah kendalian saya boleh mencapai kejayaan yang lebih baik daripada saya.

“Bagi seseorang yang tidak begitu cemerlang dalam akademik, ambillah sukan seperti saya, kerana sukan boleh mengubah hidup anda juga untuk menjadi seseorang yang lebih baik.

“Saya sudah mempunyai kejayaan tersendiri. Apa yang saya harapkan, atlet di bawah kendalian saya mesti lebih bagus daripada saya,” tegas Lee Lee.

77 hadiah lumayan untuk pembayar cukai

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BUKIT MERTAJAM – Tempat pertama cabutan bertuah ditawarkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berupa seunit *mountain bike Exitway M6* mungkin menjadi milik anda dengan hanya membayar keseluruhan cukai pintu bagi tahun 2014 serta tunggakannya sebelum 31 Disember depan.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, pemenang cabutan bertuah bagi tempat kedua hingga ketujuh pula layak menerima *mountain bike Bianchi Kuma*, telefon pintar *Samsung Galaxy S4*, *Ipad retina display 16GB*, *notebook*, *Ipad Mini 16GB* dan *Samsung Galaxy Tab 3.0*.

Dua hadiah lain berupa televisyen *Samsung Led 32"* disediakan untuk

dua pemenang bertuah bagi tempat kelapan.

Itu, tidak termasuk pemberian dua buku kupon parkir secara percuma kepada setiap pemilik akaun yang membayar cukai taksiran serta tunggakannya dalam tempoh yang sama.

“Cabutan bertuah ini berjaya diadakan sejak tiga tahun lepas untuk menghargai para pembayar cukai.

“Kutipan cukai kita (MPSP) nampaknya meningkat tiap-tiap tahun,” ujarnya selepas mempengerusikan mesyuarat penuh majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini.

Setiausaha Majlis bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud turut serta dalam sidang media tersebut.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan) bersama-sama Sr. Rozali Mohamud (kiri) pada sidang media selepas mesyuarat penuh MPSP di sini baru-baru ini

Pembayaran cukai pintu dan taksiran serta tunggakan boleh dilakukan bermula 15 November ini.

Tahun lepas, seramai 36 pembayar cukai menerima hadiah cabutan bertuah dan *Ipad 3* merupakan hadiah paling lumayan yang

ditawarkan MPSP semasa itu.

Cukai boleh dibuat di semua Kaunter Pembayaran MPSP atau agensi-agensi bank yang dilantik MPSP dan hubungi nombor telefon **04-5497470 / 697 / 696 / 468** atau emel **waran@mpsp.gov.my**.

Kategorikan aduan ‘MPSP Watch’ - Rezal Huzairi

BUKIT MERTAJAM - Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Rezal Huzairi Md. Zaki berkata, langkah awal dengan mengkategorikan aduan dalam sistem pintar *MPSP Watch* wajar dipertimbang oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Ini kerana, katanya, aduan-aduan yang dikategorikan mengikut daerah, kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) serta kampung dan desa akan memudahkan pihak berwajib mengambil tindakan susulan.

“Saya ingin mencadangkan supaya MPSP mengambil pendekatan awal dengan mengkategorikan aduan yang diterima daripada *MPSP Watch* atau ‘Sistem Pemantauan Pintar’.

“Ianya (operasi sedia ada *MPSP Watch*) perlu lagi kita (MPSP) perhalusi bagi kita mengenalpasti daerah mana dan kawasan mana yang sering MPSP mendapat aduan,” ujarnya di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini.

Cadangan itu disampaikan

semasa beliau menyampaikan ucapan penangguhan di depan Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif sempena Mesyuarat Penuh Majlis baru-baru ini.

Cadangan tersebut, katanya, sekaligus dapat mengelak pihak tidak bertanggungjawab dari mengambil kesempatan untuk memburuk-burukkan imej pihak berkuasa tempatan (PBT) menerusi laman sosial *Facebook* berkenaan.

MPSP Watch sejak diperkenalkan pada tahun 2011 direkodkan menerima 70 aduan daripada pelanggan dan 680 aduan lain pada tahun berikutnya.

Sehingga bulan September tahun ini, laman sosial itu direkodkan menerima sebanyak 1,426 aduan atau 109 peratus berbanding tahun lepas.

Dalam perkembangan berkaitan, sesi dialog pelanggan serta kajian MPSP pada 6 Julai lepas mendapati 41 peratus responden bersetuju bahawa ‘Perkhidmatan Kebersihan’ wajar menjadi keutamaan MPSP serta warga Seberang Perai.

Lukisan mural ceriakan taman asuhan



SEBAHAGIAN kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-kanak Perkim sambil ditemani pelajar Kolej Han Chiang menunjukkan tapak tangan berwarna bagi menceriakan dinding sekolah pada projek lukisan mural di sini baru-baru ini.

Oleh: **YAP LEE YING**

GEORGE TOWN – Selain ceriakan suasana dinding, program melukis mural di Taman Asuhan Kanak-kanak Perkim turut mengukir seribu senyuman dalam kalangan para pelajar yang turut serta di sini baru-baru ini.

Guru Besar taman asuhan tersebut, Rokiah Hamzah menyatakan bahawa beliau amat berterima kasih kepada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ekoran maklum balas pantas yang diberikan berhubung pengimplementasikan projek berkenaan.

“Dalam tempoh kurang dua minggu, MPPP datang dalam satu pasukan lengkap berserta kelengkapan diperlukan bagi menjayakan projek lukisan mural di sini.

“Inisiatif ini adalah untuk ‘menghidupkan’ suasana di sini. Dengan lukisan mural, dinding yang kosong berjaya ‘dihidupkan’. Pada masa sama, kanak-kanak turut bergembira,” katanya ketika ditemui pada program tersebut di sini baru-baru ini.

Projek tersebut merupakan hasil usahasama MPPP dengan sebuah kolej swasta tempatan, Kolej Han Chiang dengan objektif untuk memberi dan berbakti semula kepada masyarakat.

Turut hadir, Pengarah Projek Lukisan Mural MPPP, Rozaini Mohamed Esa yang juga Pegawai Kebudayaan MPPP dari Jabatan Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa, wakil Kolej Han Chiang, Saw Jong Khai dan sukarelawan Taman Asuhan Kanak-kanak Perkim, Pat Henchie.

Exco tubuh jawatankuasa pulihara kem rekreasi

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BAYAN LEPAS – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memulihara fasiliti 15 tapak kem rekreasi yang dikenal pasti di negeri ini.

Beliau berkata, penubuhan jawatankuasa ini diharap kembali dapat menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi rekreasi perkhemahan pilihan bagi pertubuhan seragam serta rekreasi, sama ada di peringkat kebangsaan hatta antarabangsa.

“Kalau masih ingat, di *Coronation Camp* (dekat Air Itam) dulu diadakan Jambori Pengakap yang begitu besar tiap-tiap tahun.

“Jambori ini berjaya menarik penyertaan antarabangsa, bukan sekadar peserta Malaysia semata-mata.

“Jawatankuasa ini berasa kita perlu memulihara semula kesemua tapak kem di negeri ini supaya kembali memenuhi piawaian (perkhemahan rekreasi) antarabangsa,” ujar beliau pada satu sidang media di Taman Metropolitan Relau di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, Teh Yee Cheu dan Hilmy Sazlin Azny Abdul Aziz (Penolong Pegawai Daerah Timur Laut) turut menyertai sidang media itu.

Sebelum itu, mereka menyertai lawatan kerja Jagdeep di beberapa kem rekreasi berwajib sekitar negeri ini.

Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat berkata, Yee Cheu, wakil Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan wakil Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) antara pihak yang menganggotai jawatankuasa tersebut.

Tambah beliau, wakil-wakil pertubuhan seragam seperti Pengakap, Pandu Puteri, Kelab Rekreasi dan beberapa pertubuhan belia berwajib turut dalam senarai yang sedang

dipertimbang untuk menganggotai jawatankuasa itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep berkata, pihaknya akan meninjau infrastruktur rekreasi di Pulau Gedung Ubat, iaitu sebuah pulau kecil berdekatan Pulau Aman, Batu Kawan.

“Sungguhpun Pulau (Gedung Ubat) ini tiada dalam senarai yang dibekalkan kepada kita (Kerajaan Negeri), kita akan meminta mereka (Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) memberikan ulasan.

“Kalau sesuai untuk dinaiktaraf infrastuktur, kita (Kerajaan Negeri) akan menaiktaraf (fasiliti) di Pulau Gedung Ubat,” ujar beliau semasa menjawab soalan wartawan.

Difahamkan, Pulau Gedung Ubat tidak lagi diselenggara sejak beberapa tahun lepas selepas paip saliran yang membekalkan air bersih ke tapak kem rekreasi itu musnah akibat bencana.

Tapak kem rekreasi di Daerah Timur Laut yang dalam rancangan dipulihara antaranya Taman Belia, Empangan Air Itam, Taman Metropolitan Relau, Pulau Jerejak.

Tapak kem rekreasi di Daerah Barat Daya yang dalam rancangan dipulihara antaranya Pantai Acheh dekat Balik Pulau, Telok Tempoyak (Bayan Lepas), Air Putih (Balik Pulau) dan Anjung Indah (Jalan Tun Sardon), Gertak Sanggul (Bayan Lepas).

Tapak kem rekreasi di Daerah Seberang Perai Utara yang dalam rancangan dipulihara antaranya Taman Awam Vision dekat Kepala Batas dan Taman Rubina (Telok Air Tawar).

Tapak kem rekreasi di Daerah Seberang Perai Tengah yang dalam rancangan dipulihara antaranya Kem Cheruk To’ Kun dan Empangan Mengkuang.

Tapak kem rekreasi di Daerah Seberang Perai Selatan yang dalam rancangan dipulihara antaranya Taman rekreasi Bukit Panchor dekat Nibong Tebal dan Pulau Aman (Batu Kawan).



JAGDEEP Singh Deo (tengah) menerima maklum balas lanjut daripada Hilmy Sazlin Azny Abdul Aziz (tiga dari kiri) sambil diperhatikan Teh Yee Cheu (lima dari kiri) pada sidang media di sini baru-baru ini.

Pesta Makan Amal sasar kutip RM200,000

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

AIR ITAM – Sejumlah RM200,000 disasarkan untuk pembelian sebuah ambulan bagi kegunaan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (MRC) Cabang Pulau Pinang dalam anjuran Pesta Makan Amal 2013 di sini baru-baru ini.

Pengerusi MRC Cabang Pulau, Pulau Pinang, Nancy Cheah berkata, penganjuran pesta makan amal tersebut merupakan acara tahunan MRC Cabang Pulau Pinang.

“Tujuan penganjuran bukan sahaja untuk pembelian ambulan tetapi juga untuk penyelenggaraan

pusat khidmat ambulan 12 jam di Permatang Tinggi, Jalan Raja Uda di Butterworth dan di bahagian pulau.

“Jumlah sumbangan yang diperlukan besar memandangkan kita (MRC) memerlukan sekurang-kurangnya empat paramedik terlatih setiap hari dan dibayar dengan bayaran sepenuh masa antara jam 7 pagi sehingga 7 malam,” katanya pada Pesta Makan Amal 2013 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Konsul Besar Thailand di Pulau Pinang, Sritat Vathesatogkit, Pengerusi MRC Cabang Pulau Pinang, Datuk B.J. Yeang, wakil-wakil dari Ivory



WONG Hon Wai (depan, dua dari kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peniaga yang mengambil bahagian dalam Pesta Makan Amal 2013 di sini baru-baru ini.

Properties Sdn. Bhd., Hospital Loh Guan Lye dan Hotel Eastin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai turut hadir merasmikan Pesta Makan Amal 2013 dekat Jalan Grove di sini baru-baru ini.

Dalam ucapan, beliau memuji kesungguhan MRC dalam memberi perkhidmatan kecemasan terbaik di Pulau Pinang, malah turut

membantu dalam kebanyakan kes kecemasan yang berlaku.

“Usaha yang dijalankan MRC patut dicontohi dan orang ramai seharusnya memberi sokongan kerana ia akan memberi faedah kepada komuniti.

“Kehadiran MRC dalam kecemasan banyak membantu pihak polis dan hospital serta mangsa yang terlibat, tahniah

MRC,” ucap Hon Wai yang turut meluangkan masa menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada lebih 20 buah gerai yang mengambil bahagian pada penganjuran berkenaan.

Selain penjualan makanan, persembahan daripada Akademi Gimrama MSN Pulau Pinang dan pertandingan mewarna turut menyerikan program tersebut.

Sambutan Deepavali Kampung Melayu unik

AIR ITAM – Kehadiran kira-kira 300 penghuni sekitar Kampung Melayu di Majlis Penyampaian Bantuan Sempena Sambutan Deepavali menunjukkan kesatuan dan semangat saling hormat-menghormati amat tebal dalam kalangan masyarakat majmuk di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, selain jamuan, turut diadakan adalah pemberian sumbangan hamper perayaan berupakan makanan asas kepada 50 warga emas dan orang kurang upaya

(OKU) yang menetap di sini.

“Majlis ini dianjurkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu.

“Sambutan ini amat bermakna kerana majoriti penduduk di Kampung Melayu adalah Melayu, namun mereka turut serta dalam sambutan ini.

Dalam pada itu, beliau berharap agar sambutan sebegini dapat diteruskan terutama dalam meraikan perayaan utama Negara.

Penganut agama Hindu Pulau Betong dirai



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sambil disaksikan Mohd. Tuah Ismail (tiga dari kiri) pada Majlis Mesra dan Sumbangan Sempena Deepavali di sini baru-baru ini.

MERIAH... Seramai 100 masyarakat India beragama Hindu diraikan dalam suatu Majlis Mesra dan Sumbangan Sempena Deepavali di Pusat Khidmat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras KADUN, Mohd. Tuah Ismail berkata, majlis seumpama itu bukan sahaja mampu merapatkan hubungan

sedia terjalin, malah turut memberi ruang dan peluang mengenali kepimpinan negeri.

Beliau berharap sumbangan yang diberikan mampu menyerikan lagi sambutan Deepavali para penerima sumbangan.

Hadir sama, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan Aidi Akhbal Mohamed Zainon.

INFO PPK

Pusat Khidmat Masyarakat KADUN Permatang Berangan
(Pejabat PPK Permatang Berangan)
No. 63 A Jalan Hashim Awang,
13300 Tasek Gelugor,
Pulau Pinang.
No. Tel : 04-5732128 (Pejabat)
019-5102633
(Arshad Md Salleh)
019-5564664 (Reza)



WONG Hon Wai (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan hamper kepada salah seorang penerima bantuan pada Majlis Penyampaian Bantuan Sempena Sambutan Deepavali di sini baru-baru ini.

Kasthuriraani rai semua kaum sempena Deepavali dipuji

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BUKIT TAMBUN - Inisiatif Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani menyampaikan sumbangan kepada 150 golongan terpilih daripada pelbagai bangsa sempena sambutan Deepavali peringkat Parlimen tersebut baru-baru ini menerima pujian banyak pihak.

Penerima, Zarina Abu Bakar, 40, melahirkan rasa syukur kepada Tuhan serta penghargaan kepada Kasthuriraani atas sumbangan barang-barang keperluan rumah yang diterimanya.

"Ini kali pertama saya terima sumbangan. Alhamdulillah. Terima kasih kepada Y.B. (Kasthuriraani) kerana beri sumbangan tak kira siapa," ujar ibu tunggal kepada lapan anak dari Kampung Valdor itu di sini baru-

baru ini.

Nada sama turut disuarakan Ong Meng Kiat, 40-an, yang menyatakan bahawa sumbangan itu sangat diperlukan keluarganya memandangkan beliau sendiri masih tiada pekerjaan tetap belakangan ini.

"Anak kerja kecil-kecil(an) dan beri duit (saku) pun kecil-kecilan kerana saya tiada pekerjaan tetap.

"Saya tiada kerja tetap lagi. Sumbangan ini dapat kurangkan beban keluarga saya satu dua bulan ini," ujar beliau yang juga penduduk Taman Kasawari di sini.

N. Krishnamah, 62, pula melahirkan rasa terharu kerana keadaan anak istimewanya, M. Thenmoli, 32, turut tersenarai sebagai penerima sumbangan sempena Deepavali tahun ini.

"Saya ada anak cacat akal OKU (orang kurang upaya). Tiap-tiap tahun, saya dapat RM100

(sumbangan emas OKU).

"Malam ini, anak saya dapat sumbangan lagi dari Ahli Parlimen di sini. Sebagai ibu, saya harap Tuhan tolong sama dia (Kasthuriraani)," ujar warga emas itu yang kini tinggal di Jalan Nenas dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Tengah.

Krishnamah turut memuji Kasthuriraani kerana cakna dengan isu-isu kewanitaan di sekitar kawasan Parlimen Batu Kawan.

"Kerajaan Negeri ada Briged Wanita (Pulau Pinang), saya tahu. Apapun isu wanita (yang) dibawa ke pejabat Y.B., dia akan buat *follow up* (tindakan susulan)," ujarnya lagi.

Sebelum itu, Kasthuriraani berkata, sepatutnya semua pihak tanpa mengira warna kulit dan status sosial yang layak wajar



P. Kasthuriraani (kanan sekali) meramahi para penerima sumbangan sempena Perayaan Deepavali Peringkat Parlimen Baru Kawan di sini baru-baru ini.

diraikan di negeri ini.

"Semua kaum sama ada Melayu, India atau Cina ada pada malam ini, sebagai penerima sumbangan kerana mereka layak.

"Kita mahu jadikan semua keraian di negara ini bawa

semangat Malaysia yang hakiki, tanpa perlu prejudis pada mana-mana kaum.

"Yang mampu, membantu. Yang kurang mampu, dibantu seperti yang disaksikan pada malam ini," ujar beliau di sini.



DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) meramahi salah seorang penerima sumbangan di sini baru-baru ini.

Rumah terbuka amalan tradisi DUN Seberang Jaya

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA - Sempena sambutan Deepavali baru-baru ini, seramai 110 golongan kurang bernasib baik, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas menerima hamper sumbangan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di sini.

Antara barangan asas yang disumbangkan adalah sekampit beras, bihun dan gula yang sedikit sebanyak dipercayai dapat digunakan sebagai persediaan sambutan perayaan berkenaan.

ADUNnya, Dr. Afif Bahardin berkata, sumbangan makanan

asas tersebut adalah bagi membolehkan golongan kurang bernasib baik terbabit turut menyambut suasana perayaan dengan ceria.

"Ini merupakan hadiah buat keluarga sempena Deepavali," katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Luar Bandar dan Kesihatan menyatakan bahawa program rumah terbuka Dewan Undangan (DUN) beliau yang diadakan di Taman Tun Hussein Onn baru-baru ini merupakan amalan tradisi yang diadakan khas untuk penduduk Seberang Jaya.

Penghuni flat terima hamper perayaan



CHEAH Kah Peng (depan, dua dari kanan) menyampaikan sumbangan hamper kepada salah seorang penerima pada majlis penyampaian sumbangan di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

PADANG TEMBAK - Sempena meraikan perayaan Deepavali, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bungah, Cheah Kah Peng baru-baru ini menyampaikan sejumlah 54 buah hamper kepada penghuni beragama Hindu Flat Rifle Range dekat sini.

Menurutnya, acara tradisi tersebut memberi keutamaan kepada penduduk memerlukan terutama dalam kemeriahan menyambut perayaan-perayaan utama.

"Sekurang-kurangnya dengan bantuan ini, ia dapat meringankan sedikit bebanan mereka yang memerlukan dan mengukir senyuman tatkala menyambut Deepavali," ujarnya selepas majlis ringkas penyampaian hamper di pusat khidmatnya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Lee Chun Kit mewakili Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari yang menghadiri sidang Parlimen di Kuala Lumpur pada hari berkenaan.



Pulau Pinang
Bersih, Hijau,
Sihat & Selamat